

**#AgongKita: Bersatu hatilah sekalian rakyat Malaysia, titah YDP Agong
Astro Awani
27 Julai 2019
Firdaus Azil,**

KUALA LUMPUR: Bersempena menjelangnya Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos, serta Hari Malaysia pada 16 September ini, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengharapkan agar rakyat Malaysia dapat menghayati serta menginsafi peristiwa di sebalik dua tarikh bersejarah itu.

Baginda bertitah, semua pihak, baik rakyat mahupun kerajaan yang memerintah, harus meneruskan usaha untuk memperbaiki agenda memperbaharu Malaysia dan memberi kesenangan dan kebebasan kepada rakyat, dengan batasan tertentu.

Ini, titah baginda, amat penting bagi memastikan sensitiviti dan elemen keharmonian antara sesama kaum di negara ini, dapat dijaga sepenuhnya.

“Saya harap juga bagi semua, kalau kita sama-sama menilai pentingnya Hari Merdeka ini, bukan sekadar hari tersebut sahaja. Bukan 31 Ogos semata-mata tetapi, kita harus lihat sejarahnya, macam mana kita memperoleh Merdeka.

"Dan macam mana negara ini maju sepanjang 62 tahun. Lebih daripada itu, kita tengok juga sejarah lama-lama – macam mana Malaysia ditubuh, dan Alhamdulillah kita harus rasa bersyukur kerana kita telah mencapai satu tahap, negara kita yang begitu moden yang maju," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sewaktu ditemu bual Editor Eksekutif Astro AWANI Ashwad Ismail dan Editor Kanan Astro AWANI Cynthia Ng sempena Majlis Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16, pada 30 Julai ini.

Dalam temu bual itu, baginda juga berdoa supaya kesemua rakyat Malaysia dapat menghayati semangat negara Malaysia, semangat sebagai rakyat Malaysia.

“Dan melalui ini sajalah kita dapat menyatukan semua bangsa, agama, dan melalui ini kita semua dapat hidup dalam keadaan cukup aman dan harmoni.

“Dan mudah-mudahan setiap antara kita dapat merasai kesejahteraan daripada negara kita. Dan inilah impian setiap pemimpin dan setiap raja di negara kita ini. Baik dia orang Pahang ke, orang Perak ke, orang Selangor ke, orang Johor ke, orang Kelantan,” ujar baginda.

Tuanku bertitah, adanya kestabilan negara dan rakyat yang bersatu, Malaysia diharap dapat pergi lebih jauh, dan rakyat akan berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai, dan akan capai.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/agongkita-bersatu-hatilah-sekalian-rakyat-malaysia-titah-ydp-agong-213041>